

PEMBANGUNAN BELIA POSITIF KEPADA BELIA BERISIKO: FENOMENA LGBT DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA

**¹Shazreen Kamarolzaman, ²Mohd Mursyid Arshad* & ³Ahmad Aizuddin
Md Rami**

^{1,2,3}Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra
Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: m_mursyid@upm.edu.my

Published online: 28 Jun 2022

To cite this article: Kamarolzaman, S., Arshad, M. M., & Md Rami, A. A. (2022).
Pembangunan belia positif kepada belia berisiko: Fenomena LGBT di Lembah Klang,
Malaysia. *Asia Pacific Journal of Youth Studies (APJYS)*, *1*(1), 101-117.
<https://doi.org/10.56390/apjys2022.1.1.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.56390/apjys2022.1.1.6>

ABSTRACT

In Malaysia, LGBT is no longer a recent topic. The existence of this community, on the other hand, has evolved in the emergence of perspectives from diverse parties, social media in particular. In fact, acceptance of the existence of this group has previously been a contentious issue in our country. Even now, the LGBT community continues to gain publicity as fresh news headlines appear and condemnation of the surrounding community grows. The lack of emphasis on a religious lifestyle, the stability of family institutions, and the community's harsh discourse towards the LGBT population, which is a barrier to change, were the three primary issues. Thus, the research objective has been established based on this problem, which is to explore the development of positive youth to LGBT activities by investigating how the 5C elements (competence, confidence, character, connection and caring) in the PYD (positive youth development) model affect LGBT at-risk youth to return to nature. The research is conducted utilizing qualitative methodologies, with the interview functioning as a key component in data gathering. According to the results of the study, the 5C element in the PYD model has been applied to three stages of change in Kurt's theory of change. Implementation of these aspects' aids in the retention process in the adjustments that LGBT at-risk adolescents HAVE pursued. Not only that, but religious education, relationships and love, momentum retention, personality development, and positive values always have an impact on the retention process that the youth

go through so that they do not return to the LGBT world. All of this, however, should begin with encouraging the early phases of the first stage of transformation.

Keywords: *Youth at risk, LGBT, positive youth development (PYD), recovery.*

ABSTRAK

LGBT bukan lagi satu isu yang baharu di Malaysia. Namun, kewujudan golongan ini mengakibatkan timbulnya perspektif dari pelbagai pihak terutama media sosial. Malah, penerimaan kewujudan golongan ini juga pernah menjadi isu hangat di negara kita pada satu ketika dahulu. Sehingga ke hari ini komuniti LGBT masih meraih perhatian apabila pelbagai berita timbul dan kecaman masyarakat sekeliling meningkat. Tiga permasalahan utama diperolehi iaitu kurang penekanan terhadap gaya hidup berlandaskan agama, kestabilan institusi kekeluargaan dan cacian masyarakat terhadap komuniti LGBT yang menjadi penghalang kepada mereka untuk berubah. Maka, berlandaskan permasalahan ini, objektif penyelidikan telah dibentuk iaitu untuk meneroka pembangunan belia positif kepada aktiviti LGBT dengan melihat bagaimana elemen 5C (kompetensi, keyakinan, karakter, hubungan dan juga kasih sayang) dalam model PYD (*positive youth development*) mempengaruhi belia berisiko LGBT untuk kembali kepada fitrah. Penyelidikan ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan temu bual sebagai komponen utama dalam mengumpulkan data. Hasil penyelidikan mendapati elemen 5C dalam model PYD telah diterapkan ke dalam tiga tahap perubahan dalam teori perubahan Kurt. Penerapan elemen-elemen ini membantu dalam proses pengekalan dalam perubahan yang telah dijalani oleh belia berisiko LGBT. Bukan itu sahaja, pendidikan agama, hubungan dan kasih sayang, pengekalan momentum dan pembentukan sahsiah serta nilai positif juga memberi impak terhadap proses pengekalan yang dijalani agar belia tidak kembali semula kepada dunia LGBT. Walau bagaimana pun, semua ini haruslah dimulakan dengan galakan peringkat awal iaitu peringkat pertama dalam perubahan.

Kata kunci: LGBT, belia berisiko, pembangunan belia positif (PYD), pemulihan.

PENGENALAN

LGBT bukan satu isu yang baru di Malaysia. Walau bagaimanapun, kewujudan golongan ini mengakibatkan timbulnya perspektif dari pelbagai pihak. Malah, penerimaan kewujudan golongan ini juga pernah menjadi isu hangat di negara kita pada satu masa dahulu. LGBT merupakan akronim yang mewakili golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender. Akronim ini telah digunakan sejak tahun 90an. Menurut Jacob dan Arguilar (2007), akronim ini telah dikembangkan kepada LGBTQ dengan penambahan golongan “Queer” ke dalam kelompok ini yang mana golongan “Queer” ini merujuk kepada golongan individu yang menyokong dan memayungi semua kategori golongan di bawah LGBT.

Walaupun bagaimanapun, Jacob dan Arguilar (2007) turut menghuraikan perkembangan akronim ini apabila golongan khunsa (*intersexual*) turut diletakkan sebagai salah satu kategori yang tersenarai menjadikan akronim LGBT menjadi LGBTIQ. Dari konteks sosial, kita dapat melihat bahawa budaya LGBT ini adalah satu budaya barat yang telah menular ke negara kita yang mana keadaan ini telah mempengaruhi minda dan tingkah laku masyarakat. Situasi inilah yang telah menimbulkan pelbagai masalah sosial melibatkan golongan LGBT. Bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan tidak lari daripada tujuan asal maka objektif penyelidikan telah dibentuk iaitu melihat bagaimana pembangunan belia positif dapat membantu belia berisiko LGBT untuk kembali kepada fitrah melalui penerapan elemen 5C dalam model PYD. Maka persoalan penyelidikan yang dibangunkan adalah bagaimana elemen 5C dalam model PYD mempengaruhi belia berisiko LGBT untuk kembali berubah kepada fitrah?

Maka, dalam usaha menangani isu-isu yang melibatkan LGBT, program pembangunan belia positif (PYD) telah diperkenalkan. Delgado (2002) dan Lerner et al. (2005; 2015) memberi penerangan terhadap pembangunan belia yang telah dinyatakan sebagai satu proses berterusan yang mana ianya berlaku bagi memenuhi keperluan fizikal dan sosial dalam membina kompetensi dan ianya sangat berpotensi dalam menyumbang kepada pembangunan belia positif. Hasil perkongsian Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) mengenai program Mukhyayyam menjadikan penyelidikan ini dijalankan dengan memberi fokus kepada perkara-perkara yang mendorong belia berpotensi LGBT untuk kembali kepada fitrah, atau erti kata lain adalah untuk kembali pulih kepada asal. Bagi melihat impak PYD dalam menangani isu-isu LGBT, penyelidik telah melihat dan membuat penelitian terhadap model PYD yang dibangunkan oleh Richard

(2005). Penelitian telah dibuat terhadap elemen 5C yang terdapat dalam model PYD.

SOROTAN LITERATUR

Fenomena LGBT di Malaysia

Penularan kelompok LGBT di Malaysia bermula pada awal tahun 1980 dengan wujudnya golongan pondan dan mak nyah. Pada tarikh 13 Disember 1989, Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke 126 telah memfatwakan LGBT sebagai satu tingkah laku yang haram untuk dijadikan sebagai amalan hidup. Keadaan ini telah mengakibatkan terhalangnya individu-individu yang ingin membuat permohonan menukar jantina pada kad pengenalan mereka. Pada tahun 1990an, kelompok ini terus berkembang di Malaysia dan melabelkan diri mereka sebagai Lesbian, Gay, Biseksual dan juga Transgender. Kewujudan golongan ini telah memberi kejutan besar buat masyarakat kerana Malaysia merupakan negara yang menggunakan Agama Islam sebagai agama rasmi dan seramai 61.3% peratus penduduk adalah mereka yang menganuti agama Islam sebagai panduan dalam menjalani kehidupan.

Keinginan untuk berubah hakikatnya wujud dalam setiap individu yang tergolong dalam kelompok LGBT. Akan tetapi banyak halangan yang terpaksa mereka hadapi dalam usaha untuk berubah kepada fitrah. Cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti LGBT untuk berubah adalah kesukaran mengawal pemikiran dan keinginan, pengaruh media massa dan juga kurangnya sokongan daripada persekitaran (Khairul Hamimah, 2018). Walau bagaimana pun, pendekatan yang berhemah dan lemah lembut serta berteraskan Al-Mujadalah Al-Husna dapat membantu komuniti ini untuk istiqomah dalam melakukan perubahan (Khairul Hamimah, 2018). Terapi dalam perspektif islam dikenal pasti membantu komuniti transgender untuk kembali kepada fitrah yang mana seseorang individu itu perlulah kenalpasti kelemahan dan kekuatan diri, melaksanakan proses taubat, tanam dan aplikasikan sifat sabar, memahami bahawa adanya harapan untuk kembali kepada fitrah dan memupuk rasa takut kepada Allah (Zuraidah, 2018).

Komuniti Mak Nyah juga dilihat semakin berkembang di Malaysia dan masyarakat dilihat sebagai pendorong kepada mereka untuk berubah dengan menghormati dan tidak menyisihkan mereka serta mewujudkan persekitaran yang baik (Nurul Syahira, 2019). Bukan itu sahaja, individu juga perlulah hidup

berlandaskan ajaran Islam, menahan kemahuan seks dan membetulkan niat dalam usaha untuk melakukan perubahan kembali kepada fitrah (Nurul Syahira, 2019). Antara pendekatan lain yang dapat diaplikasikan dalam membantu komuniti LGBT untuk kembali kepada fitrah adalah bimbingan melalui program Usrah Iqra' dan Pertubuhan Usrah Fitrah (Mohd Izwan, 2019).

Teori Sub Budaya Penyebab

Teori sub budaya penyebab ini telah dikemukakan oleh Albert K. Cohen melalui bukunya yang berjudul *Delinquent Boys* (1955) di mana teori ini diguna pakai bagi mencari jalan penyelesaian kenakalan remaja dalam sub budaya dengan cuba menjelaskan penyebab kepada berlakunya peningkatan terhadap tingkah laku. Kesimpulan asas menyatakan bahawa tingkah laku adalah gambaran ketidakpuasan hati yang wujud dalam diri seseorang remaja dan belia dengan norma kehidupan yang dijalani. Keadaan seperti itu mendorong kepada konflik budaya yang disebut oleh Albert K. Cohen iaitu status kekecewaan. Akibatnya, terdapat lebih banyak penglibatan remaja, belia dan golongan kelas bawah dengan tingkah laku menyimpang yang "tidak berkeadilan, berniat jahat dan negatif".

Logik daripada pernyataan di atas, penyelidik mengaplikasi teori ini dalam penyelidikan yang dijalankan di mana penyebab kepada berlakunya fenomena LGBT adalah daripada ketidakpuasan hati dengan keadaan persekitaran seperti struktur kekeluargaan yang tidak stabil (Nurul Syahira, 2019), kurang atau terlebih mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa (Zuraidah, 2018) dan juga kekecewaan dengan pengalaman hidup yang dilalui dalam diri seseorang belia berisiko LGBT seperti penderaan seksual, sering dikecewakan oleh pasangan (Mohd Izwan, 2019). Oleh kerana keadaan sekeliling tidak memberi peluang yang sama kepada mereka untuk mencari status sosial dalam struktur sosial masyarakat yang mengakibatkan kepada permasalahan status dalam budaya, maka belia memilih untuk menjadikan norma LGBT sebagai budaya kehidupan mereka.

Model Pembangunan Belia Positif (PYD)

Pembangunan belia positif (PYD) merupakan satu terma yang telah dibentuk melalui gabungan Teori Pembangunan Sistem dan usaha meningkatkan hasil yang optimum melalui program dan polisi belia (Lerner et al., 2013). Model PYD terdiri daripada elemen '5C' iaitu kompetensi (*competence*), keyakinan (*confidence*), karakter (*character*), hubungan (*connection*) dan kasih sayang

(*caring*) (Lerner et al., 2005; 2011). Terdapat dua aset utama dalam model ini iaitu, aset individu yang merupakan kekuatan dalaman belia yang meliputi kekuatan kognitif, emosi dan tingkah laku yang membentuk dalaman belia supaya menjadi yang lebih baik (Silbereisen & Lerner, 2007; Lerner et al., 2010) dan aset ekologi yang merupakan aset luaran seperti jaringan sosial, jaringan institusi, individu di persekitaran dan kebolehan dalam mengakses pelbagai sumber (Lerner et al., 2005; Agans et al., 2014).


Namun, kesemua elemen ini hanya dapat dibangunkan apabila kekuatan individu selari dengan sumber dan peluang yang diperolehi daripada persekitaran (Agans et al., 2014; Geldhof et al., 2015). Maka, dalam penyelidikan ini, penyelidik menjelaskan bagaimana elemen-elemen 5C ini iaitu kompetensi, keyakinan, karakter, hubungan dan juga kasih sayang memberi kesan terhadap proses perubahan yang diterapkan kepada komuniti LGBT. Perubahan dalam diri di kalangan LGBT ini bermula dengan pembentukan sahsiah dan nilai-nilai positif kepada aset individu dan dalam masa yang sama mendapat sokongan dan bantuan daripada aset ekologi

Kerangka Teoritikal Kajian

Merujuk kepada gambarajah, penyelidik melihat kepada elemen 5C dalam model PYD yang diterapkan ke dalam tiga peringkat dalam teori perubahan Kurt. Elemen kasih sayang dan hubungan ditekankan pada tahap pencairan. Dua elemen ini dilihat sangat penting dan memberi impak besar bagi belia berisiko LGBT dalam meninggalkan kebiasaan mereka dan mula membentuk perubahan-perubahan baharu. Kombinasi ini diterapkan dalam empat peringkat dalam model perubahan Kotter. Seterusnya, elemen kompetensi yang diterapkan pada tahap perubahan pula terlibat dengan dua peringkat dalam model perubahan Kotter. Elemen kompetensi ini membantu dalam belia menjalani tahap perubahan di mana norma-norma baharu mula diberi penekanan dan mula diterapkan dalam menjalani kehidupan seharian.

Manakala elemen karakter dan keyakinan diri pula ditekankan pada tahap pengekalan. Kombinasi ini pula melibatkan dua peringkat terakhir dalam model perubahan Kotter. Elemen karakter dan keyakinan diri diperlukan dalam tahap pengekalan supaya perubahan yang dilakukan dapat dijadikan sebagai amalan hidup baru bagi belia. Maka, belia hendaklah kekal dengan norma baharu dan jangan pernah mengalah dengan keadaan sekeliling yang negatif.

Keseluruhan langkah ini akhirnya menjadikan belia berisiko LGBT kekal dengan perubahan yang dilakukan dalam kembali kepada fitrah kejadian.



METODOLOGI

Penyelidik telah memilih kaedah penyelidikan kualitatif bagi menjalankan penyelidikan ini. Kedah kualitatif membantu penyelidik untuk memahami proses berdasarkan kepada situasi sebenar (Creswell, 2012) malah kaedah ini juga membantu penyelidik untuk menghuraikan masalah dan membina kefahaman terperinci daripada fenomena sebenar (Creswell, 2012). Reka bentuk kajian yang dipilih adalah fenomenologi yang mana memerlukan penyelidik akan berusaha untuk “memasuki” dunia sebenar responden dalam memahami peristiwa yang dialami (Geertz, 1973). Keadaan ini akan membantu penyelidik untuk memahami apakah punca responden berubah tingkah laku dan terjerumus ke dalam dunia LGBT.

Bagi memilih responden dalam mendapatkan maklumat, penyelidik telah memilih kaedah persampelan bertujuan dengan menetapkan kriteria-kriteria yang tertentu sesuai dalam mencapai objektif penyelidikan yang telah ditetapkan (Silverman, 2013). Kaedah persampelan ini membantu penyelidik dalam memperoleh maklumat yang tepat mengenai fenomena yang terjadi dengan lebih mendalam (Neuman, 2000). Dalam konteks penyelidikan ini, informan utama yang dipilih adalah terdiri daripada kalangan belia berisiko LGBT yang telah kembali pulih dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam menjalankan proses pemulihan. Berdasarkan objektif penyelidikan, penyelidik telah menetapkan kriteria-kriteria penting untuk menjadi informan kepada penyelidikan ini iaitu;

- i. Informan mestilah daripada kalangan belia berisiko LGBT yang telah kembali pulih kepada fitrah dengan menjalani proses pemulihan.
- ii. Informan telah pun pulih sepenuhnya dan berjaya mengekalkan amalan hidup mengikut norma kehidupan yang sebenar.
- iii. Informan hendaklah bersetuju dan bersedia untuk berkongsi segala pengalaman sepanjang melalui proses pemulihan dan juga hasil yang telah diperoleh yang dijadikan praktis.
- iv. Informan juga adalah mereka diri kalangan individu yang bertanggungjawab menjalankan proses pemulihan.

Bagi mengumpulkan data, penyelidik telah memilih kaedah temu bual mendalam sebagai instrumen utama. Kaedah ini akan membolehkan penyelidik mendapatkan pemahaman dari perspektif informan terhadap isu yang dikaji (Yin, 2011). Sesi temu bual akan dijalankan secara perseorangan dengan informan untuk menjaga etika sepanjang proses mengumpulkan maklumat dijalankan. Proses temu bual dijalankan di tempat yang dipilih oleh informan yang akan dijalankan selama empat puluh lima minit sehingga satu jam. Penetapan tarikh, masa dan lokasi dibincangkan dan persetujuan dilakukan dengan memberi keutamaan terhadap informan. Perkara ini penting bagi memastikan informan selesa sepanjang sesi temu bual dijalankan kerana keadaan persekitaran juga akan mempengaruhi emosi informan dan seterusnya memberi kesan terhadap pernyataan-pernyataan yang bakal diberikan


Bagi memastikan data yang diperoleh adalah kukuh, penyelidik memilih untuk menjalankan pemerhatian turut serta terhadap informan semasa proses pemulihan dijalankan dan juga kehidupan informan selepas berjaya berubah kembali kepada fitrah. Semasa proses pemulihan dijalankan, pemerhatian

difokuskan terhadap tingkah laku dan reaksi yang diberikan sepanjang program berlangsung iaitu selama 3 hari 2 malam. Manakala pemerhatian yang difokuskan terhadap informan yang telah berjaya berubah kepada fitrah adalah kepada cara mereka menjalani kehidupan bermasyarakat. Penyelidik memberi tumpuan terhadap pergaulan informan dengan ahli keluarga serta masyarakat sekeliling dan dalam masa yang sama, cara mereka membentuk hubungan baru juga akan diperhatikan.

Data sokongan dibuat melalui analisis dokumen yang diperolehi daripada pihak JAKIM. Analisis dokumen merupakan satu proses penganalisan bahan-bahan bertulis, visual dan juga fizikal (Merriam, 2001). Malah, Creswell (2012) juga bersetuju dengan pernyataan analisis dokumen dapat diguna pakai sebagai maklumat sokongan dan pengukuhan kepada temu bual dan juga pemerhatian yang telah dijalankan. Maka, penyelidik menjalankan analisis terhadap laporan program Mukhayyam yang mengandungi data-data tentang kejayaan informan dalam kembali kepada fitrah yang mana ianya dapat memperlihatkan sejauh mana kaedah-kaedah pemulihan yang dijalankan memberikan kesan positif kepada informan. Setelah data dikumpulkan, penyelidik menjalankan kaedah analisis deskriptif bagi memproses dan membentuk tema terhadap persoalan penyelidikan yang dibentuk. Analisis ini membantu penyelidik untuk meneroka dan mengetahui persepsi informan terhadap penyelidikan yang dijalankan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Oleh kerana penyelidik menggunakan tiga tahap dalam teori perubahan kurt yang diaplikasikan bersama elemen 5C dalam model PYD, maka tiga tema terbentuk dalam menjawab persoalan tentang bagaimana elemen 5C ini mampu mempengaruhi belia berisiko LGBT untuk kembali kepada fitrah. Model PYD ini menjelaskan bagaimana elemen-elemen 5C memberi kesan terhadap proses perubahan yang diterapkan kepada belia berisiko LGBT ini. Penerapan elemen-elemen ini dilihat secara telus melalui tiga tahap dalam teori perubahan Kurt Lewin iaitu tahap pencairan, tahap perubahan dan tahap pengekalan. Dapatan penyelidikan dihuraikan dalam tiga kaedah iaitu pemerhatian turut serta, analisis dokumen dan juga temu bual mendalam yang dijalankan ke atas informan.



Memupuk elemen kasih sayang dan hubungan semasa fasa pencairan

Belia 1: "... perubahan sikap mudah nak nampak, jadi ibu bapa kena berkeras. Ambil tahu tentang aktiviti seharian anak-anak, dengan siapa mereka berkawan dan yang paling penting macam mana perjalanan hari mereka. Kadang-kadang asyik dibuli boleh menjadi punca mereka berubah sikap dan mencari jalan penyelesaian sendiri..."

Daripada ucapan informan di atas terbukti bahawa pemupukan elemen kasih sayang dan hubungan pada tahap pencairan menjadi asas kepada perubahan dan pengekalannya oleh belia berisiko LGBT dalam usaha untuk kembali kepada fitrah. Pada peringkat ini, fokus utama adalah untuk melihat dan memahami peranan keluarga dan masyarakat yang mana mereka perlu mencari punca sebelum mengambil sebarang tindakan. Insan-insan di sekeliling hendaklah mengenal pasti punca utama mengapa belia memilih untuk masuk ke dalam dunia LGBT dan dalam masa yang sama cuba fahami dan selami permasalahan yang mereka hadapi dengan menjadi pendengar kepada belia.

Perawat 1: "... masyarakat juga seharusnya prihatin dan menjaga sensitiviti antara satu sama lain. Panggilan-panggilan yang memalukan seperti pondan, sotong, si lembut dan sebagainya boleh menjadi pendorong kepada faktor-faktor yang mempengaruhi belia untuk memilih LGBT sebagai penyelesaian..."

Keadaan ini membantu untuk membina hubungan dan mudah untuk memperoleh kepercayaan daripada mereka. Dalam mengira keberkesanan peranan insan sekeliling, usaha daripada diri sendiri juga amat penting. Maka, belia itu sendiri hendaklah disiplin dalam usaha untuk berubah dan kembali kepada fitrah kejadian manusia. Secara kesimpulannya, elemen kasih sayang dan hubungan membantu membina kepercayaan antara insan sekeliling dengan belia berisiko LGBT dalam usaha memupuk perubahan kembali kepada fitrah.

Galakan terhadap penekanan elemen kompetensi pada tahap perubahan

Elemen seterusnya adalah kompetensi yang digalakkan pada tahap perubahan. Pada tahap ini, belia berisiko LGBT sudah melakukan perubahan dan dalam fasa untuk membiasakan diri menjalani rutin harian yang baru.

Perawat 2: "... kesedaran dalam diri penting sebelum melakukan sebarang perubahan. Dengan adanya kesedaran, membantu tahap konsistensi terhadap perubahan yang dilakukan..."

Belia 1: "... untuk berubah jadi baik ni bukan senang. Ujian dia lagi besar dan sangat mencabar. Jadi, kita perlu kata-kata nasihat dan dorongan daripada orang sekeliling terutama ibu bapa. Ustaz atau ustazah juga boleh dijadikan tempat rujukan untuk meminta nasihat..."

Maka elemen kompetensi dilihat memperkukuh lagi proses ini di mana pada peringkat ini belia mula faham bahawa setiap perubahan yang ingin dilakukan hendaklah bermula dari diri sendiri. Niat untuk berubah haruslah datang dari hati tanpa paksaan daripada mana-mana pihak. Dalam masa yang sama, belia harus kuat untuk mengabaikan persekitaran yang membawa kepada perkara negatif terutama tohmahan dan kata-kata cemuhan yang akan memberi impak pada usaha untuk berubah. Pada peringkat ini, belia digalakkan untuk mencari seorang kawan yang mampu untuk dijadikan sebagai teman berbicara.

Belia 2: "... saya banyak dengar nasihat dan kata-kata dari mak saya. Macam saya ayah dah tiada. Jadi pada mak lah saya luahkan segala masalah. Jadi, masa dalam proses nak berubah tu, mak lah insan yang selalu bagi nasihat. Mak selalu pesan supaya sentiasa kuatkan hati dan ingat Allah..."

Penerapan elemen keyakinan dan karakter dalam membina jati diri

Seterusnya adalah penerapan elemen keyakinan dan karakter dalam membina jati diri yang positif dalam diri setiap belia berisiko LGBT. Proses ini terlibat pada peringkat pengekalan di mana belia berisiko LGBT mula mampu untuk mengawal pengaruh yang ada dalam lingkungan persekitarannya. Mereka mula untuk menjarakkan hubungan dengan teman-teman yang masih dalam dunia LGBT dan membina hubungan dengan orang-orang yang sepatutnya.

Belia 1: “... saya korbakan kawan-kawan yang satu kapal dengan saya sebab mereka mula pandang serong bila saya cakap saya nak berubah kepada fitrah. Saya perlu lakukan itu sebab hati saya tak kuat. Bimbang saya tak mampu untuk pulih...”

Pada peringkat ini juga, belia mampu untuk mengabaikan komen-komen negatif tentang diri sendiri dan mampu untuk kawal selia persekitaran mereka. Selain daripada itu, untuk mengukuhkan peringkat pengekalan ini, belia berisiko LGBT mula menjadikan amalan-amalan ringkas seperti zikir harian, keterlibatan dengan program usrah dan qiamullail dan mengaji sebagai rutin aktiviti kehidupan seharian yang baru.

Belia 2: “... saya paksa diri untuk hadir ke program qiamullail. Mula-mula rasa berat sebab terpaksa tapi lama kelamaan rasa tak lengkap perjalanan seharian kalau tak dapat hadir aktiviti qiamullail. Selain itu, saya juga akan banyakan mengaji. Alhamdulillah selepas 3 bulan ikuti kelas mengaji, saya da sampai Iqra’ 3...”

Dapatan melalui pemerhatian turut serta mendapati dalam usaha melakukan perubahan kembali kepada fitrah, belia berisiko LGBT dilihat telah diperkasakan dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk keagamaan dalam menjalani kehidupan seharian. Di akhir pemerhatian, penyelidik mendapati aktiviti-aktiviti keagamaan seperti qiamullail, kelas mengaji dan juga ceramah menjadi aktiviti utama semasa proses pemulihan dijalankan. Selain daripada menjalani rutin seharian seperti kebiasaannya, aktiviti-aktiviti seperti ceramah, kelas-kelas mengaji dan fardu ain turut diselitkan dalam aktiviti seharian mereka. Malah, bagi mendekati masyarakat dengan komuniti ini, aktiviti kemasyarakatan turut melibatkan komuniti LGBT. Hasil pemerhatian mendapati aktiviti-aktiviti sukarelawan yang dijalankan seperti membersihkan kawasan pantai dan jua kubur membuka peluang kepada masyarakat untuk lebih memahami komuniti LGBT seterusnya

memudahkan lagi proses pemulihan untuk dilakukan. Keadaan ini berlanjutan daripada proses awal perubahan dijalankan sehinggalah belia berisiko LGBT berjaya kembali kepada fitrah kejadian dan daripada pemerhatian juga mendapati masyarakat menerima baik dan menyokong komuniti ini untuk berubah.

Analisis dokumen yang dijalankan ke atas laporan program Mukhayyam yang dijalankan jelas menunjukkan peningkatan terhadap bilangan komuniti belia berisiko LGBT yang kembali kepada fitrah dari awal program dijalankan sekitar tahun 2017. Walaupun ada segelintir belia berisiko LGBT yang kembali semula kepada dunia tersebut namun peningkatan yang direkodkan antara 60% hingga 75% belia yang mengikuti program ini berjaya kembali kepada fitrah menunjukkan kejayaan program ini dalam membantu belia berisiko LGBT dalam menjalani kehidupan dalam landasan yang benar. Keadaan ini membuktikan kaedah yang diguna pakai dan diterapkan dalam program tersebut menjadi salah satu cara dalam membantu komuniti belia berisiko LGBT untuk kembali kepada fitrah dan menjalani kehidupan dalam norma yang betul berlandaskan agama Islam.


KESIMPULAN

Pembentukan asas yang kukuh adalah penting dalam memastikan proses pemulihan dapat dijalankan dengan baik. Pembinaan jati diri yang berlandaskan agama membantu komuniti LGBT untuk lebih mengenali diri sendiri dan juga sedar akan fitrah kejadian Allah SWT. Proses ini diperkukuhkan dengan aspek-aspek komunikasi dan juga hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling yang mana keadaan ini menjadikan proses pemulihan berjalan dengan mudah apabila ruang dan peluang tersedia dan persediaan diri sendiri untuk berubah dipupuk secara semula jadi.

Selain daripada itu, penerapan nilai agama merupakan tunjang utama dalam memperlihatkan keberkesanan proses perubahan yang dilakukan. Nilai-nilai keagamaan perlu dipupuk di peringkat awal dalam membendung gejala LGBT. Dalam memastikan proses perubahan ini berterusan, setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Seperti yang telah dihuraikan belia berisiko LGBT haruslah bersedia membuat perubahan, individu-individu yang berada di sekeliling mereka terus-terusan memberi nasihat dan sokongan.

Peranan keluarga adalah menyediakan struktur kekeluargaan yang menerapkan nilai-nilai murni serta mengamalkan komunikasi dua hala. Masyarakat pula menyediakan ruang dan peluang bagi belia menyertai program-program kemasyarakatan dan akhir sekali kerajaan hendaklah tegas dalam membentuk undang-undang. Kerjasama semua pihak dalam menjalankan peranan masing-masing membantu dalam proses perubahan serta pengekalan dan membuatkan belia berisiko LGBT tidak akan terjebak semula ke dalam dunia gelap mereka.

Melalui kerangka konseptual yang telah dibentuk, jelas menunjukkan gabungan elemen 5C dalam PYD dengan teori perubahan Kurt memberi impak yang besar dalam proses perubahan belia berisiko LGBT apabila lapan langkah perubahan dalam model perubahan oleh Kotter turut digabungkan menjadikan proses perubahan dan pengekalan itu mampu dan tidak mustahil untuk dijalankan. Dapatan penyelidikan juga dapat disimpulkan sebagai keberkesanan elemen-elemen 5C adalah apabila diterapkan atau diguna pakai pada peringkat yang tepat. Keadaan ini membantu dalam memberi pengaruh yang positif dalam mencetuskan keinginan untuk berubah kepada fitrah dan seterusnya kekal dengan perubahan yang dilakukan.



Rajah 3. Kerangka konseptual dapatan kajian

Secara keseluruhannya, proses perubahan memerlukan sokongan bukan sahaja daripada keluarga tetapi juga masyarakat, badan-badan NGO dan juga badan-badan kerajaan. Dengan usaha sama semua pihak yang terlibat membantu

dalam proses pengekalannya kepada perubahan dan membantu belia untuk tidak kembali kepada dunia LGBT. Perkara ini jelas diuraikan melalui elemen 5C dalam model PYD. Malah diperkukuhkan lagi dengan tiga tahap dalam teori perubahan Kurt Lewin dan lapan peringkat dalam model perubahan John Kotter sebagai asas penyelidikan.

RUJUKAN

- Agans, J. P., Champine, R. B., DeSouza, L. M., Mueller, M. K., Johnson, S. K., & Lerner, R. M. (2014). Activity involvement as an ecological asset: Profiles of participation and youth outcomes. *Journal of Youth and Adolescence*, 43, 919–932. <http://doi.org/10.1007/s10964-014-0091-1>.
- Bogden RC & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods* (3rd ed.). Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Geertz, C. (1973). Comments on Benjamin White's "Demand for Labor and Population Growth in Colonial Java." *Human Ecology*, 1(3), 237–239. <http://www.jstor.org/stable/4602260>.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). MA: Pearson Education, Inc.
- David Silverman (2013), *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. SAGE Publications.
- Delgado, M. (2002). *New frontiers for youth development in the twenty-first century revitalizing youth development*. Columbia University Press.
- Geldhof, G. J. (2015). Positive youth development: *A relational developmental systems model*. In R.M.
- Lerner, W. F. Overton, & P. C. M. Molenaar (Eds.), *The handbook of child psychology and developmental science* (7th ed.). (pp. 607-651). John Wiley and Sons Inc.

- Jacob E.safra, Arguilar-Cauz J (2007). T.t.The New Encyclopaedia Britannica, Vol.5.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., Bowers, E. P. & Geldhof, G. J. (2015). *Positive youth development: A relational developmental systems model*. In R.M. Lerner, W F. Overton, & P. C. M. Molenaar (Eds.), *The handbook of child psychology and developmental science* (7th ed.). (pp. 607-651). John Wiley and Sons Inc.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Noor Hafizah Bt. Mohd Haridi (2018). *Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah*. International Seminar On Human Development (Is-Hud'18). Academy Of IslamicStudies University Of Malaya.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. CA: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (2009). *Case studies as qualitative research*. In C. F. Conrad, J. G. Haworth, & L. R. Lattuca (Eds.), *Qualitative research in higher education* (pp. 191-200). MA: Pearson Custom Publishing.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. CA: Jossey-Bass.
- Mohd Izwan Md Yusof, Nor Nazihah Awang @ Yaacob & Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2019). *Pendekatan Dakwah Melalui Usrah kepada Golongan Lesbian*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences.
- Neuman, W. L. (2000). *Social research methods qualitative and quantitative approaches (4th ed.)*. Allyn & Bacon.
- Nurul Syahira Mohamed, Fadlan Mohd Othman, Latifah Abd Majid (2018). *Gejala Mak Nyah: Sorotan Awal Kajian dari Sudut Perspektif Islam*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences.

- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Richard.M., Lerner, J.V., Almerigi, J., Theokas, C., Phelps, E., Gestsdottir, S., Naudeau, S., Jelicic, H., Alberts, A.E., Ma, L., Smith, L.M., Bobek, D.L., Richman-Raphael, D., Simpson, I., Christiansen, E.D., & von Eye, A. (2005). *Positive youth development, participation in community youth development programs, and community contributions of fifth grade adolescents: Findings from the first wave of the 4-H study of positive youth development*. *Journal of Early Adolescence*. 25(1): 17–71.
- Silbereisen, R. K., & Lerner, R. M. (2007). *Approaches to positive youth development*. SAGE Publications.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative research from start to finish*. The Guildford Press.
- Yin, R. K. (2013). *Case study research: Design and methods* (5th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Inc.
- Zuraidah Abdullah, Che Zarrina Sa'ari & LeeWei Chang (2018) *Transgenderisme Di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah Dari Perspektif Psikospiritual Islam*. *Afkar* Vol. 20 Issue 2 (2018): 279-322.